

Perhubungan Korporat UMS adakan pameran pendidikan di SMK Wallace Bay

NST 6.2.2014 5

TAWAU: Bahagian perhubungan korporat sentiasa dekat dengan pelajar-pelajar sekolah di bandar maupun di pedalaman Sabah melalui program jaringan masyarakat, promosi dan pameran.

Kelmarin Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari Bahagian Perhubungan Korporat (BPK) telah mengadakan pameran pendidikan sehari di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Wallace Bay pulau Sebatik Tawau.

Seramai 170 pelajar menengah atas SMK Wallace Bay, hadir dalam program tersebut.

Wakil ketua dari Bahagian Perhubungan Korporat Hilmey Saily berkata selain mempromosi UMS, pameran pendidikan ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan kepada pelajar-pelajar mengenai kemasukan lepasan SPM ke IPTA.

Pelajar-pelajar Sekolah itu berpeluang untuk mendengar sesi motivasi yang disampaikan oleh Mohd Norazmi Haris dari Bahagian Perhubungan Korporat (BPK).

Dalam sesi motivasi tersebut Norazmi berkata pelajar-pelajar mesti bijak merebut peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mengetahui hala tuju di masa akan datang.

Dalam sesi temubual media UMS bersama guru sekolah berkenaan, Hasniza berkata pihak sekolah menggalu-alukan kehadiran UMS untuk mengadakan lagi program seperti ini supaya para pelajar tidak ketinggalan untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana, apakah hala tuju mereka.

Beliau mengucapkan jutaan terima kasih di atas keperihatinan pihak UMS dalam misi membantu pelajar-pelajar sekolah luar bandar.



ALBUM KENANGAN... Rombongan UMS bergambar kenangan dengan Pengetua dan guru-guru di SMK Wallace Bay.